PENDAKWA RAYA

lwn.

SHUKRI MOHAMAD & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KOTA BHARU
SULEIMAN HASHIM PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 47-1-1989]
25 JANUARI 1992

PROSEDUR JENAYAH: *"Amaran" yang diberi - Samada tidak teratur - "Pre-requisite" dan fakta kegagalan mengemukakan barang kes - "Fatal" bagi pihak kes pendakwa - Seksyen 39B, 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 - Kedua dua tertuduh dituduh dengan menyalahi peruntukan perenggan (a) subseksyen (1) s. 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dan jika bersabit boleh dihukum dibawah s. 39B(2) Akta Dadah Berbahaya..*

Di kes ini, Hakim yang arif memerhatikan bahawa "pre-requisite" yang tidak dipatuhi ialah amaran yang telah diberi kepada T1 hanya "kamu tidak berkata apa-apa tetapi perkataan kamu akan ditulis dan dijadikan keterangan di Mahkamah", dengan hormatnya tidak lengkap, tidak di Mahkamah sepenuhnya, tidak pun "words to the like effect" seperti diperuntukan.

Inter alia, kegagalan mengemukakan seluar jeans Levis sebagai barang kes oleh pihak pendakwa menjadi isu samada "fatal" bagi pihak kes pihak pendakwa.

Diputuskan:

[1] Pembelaan T1 pada keseluruhannya kurang munasabah, tidak munasabah berasas kepada penelitian keterangan-keterangan pihak pendakwa dan keterangan-keterangan pihak pembelaan pada keseluruhannya tiada keraguan yang munasabah yang telah dibangkitkan atau ditimbulkan keatas kes pendakwa dan juga menggunakan ukuran imbangan kebarangkalian saya berpendapat P17 dan P21 ada didalam dan dibawah jagaan (custody) atau kawalan (control).

[2] Tertuduh, juga dengan menggunakan ukuran imbangan kebarangkalian tidak mematahkan anggapan memiliki (possession) dan anggapan mengetahui didalam P17 dan P21 itu ada dadah kanabis seperti dinyata dituduhan, dibawah s. 37(d) dan juga dengan menggunakan ukuran imbangan kebarangkalian dengan berat kanabis itu melebihi 199 grams. Tertuduh tidak mematahkan anggapan dibawah s. 37(da) (vi) Akta itu.

[T1 bersalah seperti dinyata di tuduhan dan tertuduh adalah disabitkan. T2 dibebaskan & dilepaskan.]

Kes-kes yang dirujuk:

Poon Heong lwn. PP [1949] 15 MLJ 114 ***(dirujuk)***
Su Ah Ping lwn. PP [1980] 1 MLJ 75 MP ***(dirujuk)***
Abdullah b. Yaacob lwn. PP [1991] 1 CLJ (Rep) 5 ***(dirujuk)***
Shamsuddin b. Hassan & Yg. Ln. lwn. PP [1991] 1 CLJ (Rep) 428 MA ***(dirujuk)***
Haw Tua Tau [1981] CLJ (Rep) 11 PC ***(dirujuk)***
Wong Swee Chin lwn. PP [1981] 1 MLJ 212 ***(dirujuk)***
PP lwn. Salleh [1983] 2 MLJ 164 ***(dirujuk)***
PP lwn. Wong Yee Sen & Yg. Ln. [1990] 2 CLJ (Rep) 902 ***(dirujuk)***
M.W. Barret lwn. PP [1982] 2 MLJ 284 ***(dirujuk)***
PP lwn. Datuk Haji Harun Idris [1977] 1 MLJ 355 ***(dirujuk)***
PP lwn. Tan Gong Wai [1985] 1 MLJ 355 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 37(da)(vi), 39B, 39B(2)

Bagi pihak pendakwa raya - Roni b. Abdul Rahman, Timbalan Pendakwa Raya
Bagi pihak tertuduh 1 - Mohd. Najib b. Ali
Bagi pihak tertuduh 2 - Sukri Hj. Mohamed dan Mohd. Nordin Nor

PENGHAKIMAN

Suleiman Hashim PK:

Kedua-dua tertuduh dituduh:

> Bahawa kamu Shukri bin Mohamad KP No. A 0260110 dan Fauzi bin Ab. Rahim KP No. A 0172789 bersama-sama pada 30 Disember, 1987, lebih kurang jam 9.30 pagi di kilometer 31, Jalan Kampong Bukit Tanah, Bukit Jawa, di dalam Daerah Pasir Puteh, dalam Negeri Kelantan, bagi pihak diri kamu sendiri telah memperedarkan dadah berbahaya iaitu 25,664.8 gram kanabis dalam sebuah kereta Nombor Pendaftaran DP 9998 dengan menyalahi peruntukan perenggan (a) subseksyen (1) s. 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dan oleh itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

Kes pihak pendakwa ialah seperti keterangan Amran b. Mohamad (SP5) Penguasa Kastam:

> Pada Disember 1987 saya bertugas di Bahagian Pencegah, Jabatan Kastam dan Eksais Kota Bharu, pangkat saya Penguasa Kastam.
>
> Pada 30 Disember 1987 jam lebih kurang 9.00 pagi saya telah mengetuai pasukan kastam Pencegah Kota Bharu iaitu terdiri saya Pk Ghazali b. Majid, Pk Wan Muhamed b. Wan Ismail dan pemandu Mustapha b. Ismail menaiki kenderaan Jabatan *Peugeot* WBK 2473 dan sebuah lagi kereta iaitu *Peugeot* WBK 2279 di dalam itu PKK Ahmad Mahiuddin b. Azra'ai , PK Razali b. Lebai Salleh, PK Ahmad b. Ibrahim dan pemandunya Mohd Zain b. Mohamed. Saya boleh cam semua mereka tersebut (semua dipanggil, dicam), semua mereka kakitangan di bawah saya semasa itu. Saya dengan kenderaan WBK 2473 diikuti lewat sedikit, saya berlepas pejabat lebih kurang 9.00 pagi, tujuan hendak berlepas ke bandar Pasir Puteh untuk membuat penungguan dan serang hendap ke atas sebuah kereta jenis *Proton Saga* No. DP 9998 yang disyaki membawa dadah berbahaya.
>
> Dalam perjalanan daripada pejabat lebih kurang kawasan Aril/Melor jalan besar Kota Bharu ke Kuala Terengganu saya telah nampak kereta DP 9998 tersebut menuju menghala ke Pasir Puteh. Kemudian lepas itu kereta itu telah memotong bas jadi lepas dia memotong bas kereta yang saya naiki terlewat sedikit untuk memotong bas kerana kenderaan daripada Pasir Puteh ke Kota Bharu banyak dan saya menghubungi kenderaan WBK 2279 mengguna perhubungan radio supaya datang segera membuat tindakan sama kerana DP 9998 telah dikesan kenderaan yang saya naiki dapat mengesan semula kereta DP 9998 tersebut di kawasan Kampong Bukit Tanah. Oleh kerana kereta WBK 2279 masih jauh jadi saya memberitahu mereka yang kami akan bertindak bersendirian, jadi di kawasan Kampong Bukit Tanah lebih kurang km 31 apabila melihat tidak ada kenderaan daripada depan dan belakang, bermaknanya keadaan sesuai saya telah mengarahkan pemandu iaitu Mustapha b. Ismail untuk memotong dan menahan kereta tersebut, kereta DP 9998.
>
> Jadi kereta yang saya naiki WBK 2473 dan DP 9998 telah bersaing, bergerak bersaing dan sama-sama mempertahankan kelajuan. Di masa itu saya telah melihat dalam kereta DP 9998 dan didapati ada dua orang di dalamnya iaitu pemandunya iaitu YKT yang pertama Shukri b. Mohamad dan di sebelahnya YKT yang sekarang berjanggut, masa itu memangnya masih tak tahu lagi, selepas itu baru tahu namanya Fauzi b. Abd. Rahim. Saya tidak pasti ejaan-ejaan nama-nama mereka (saksi cam kedua-dua tertuduh, dengan sendirinya).

Semasa bersaing juga saya dapati pemandu telah melihat ke arah kami dan selepas itu saya telah mengeluarkan papan tanda "Berhenti Kastam" papan ping-pong bat untuk menahan kenderaan, panggilan ping-pong bat.

Selepas saya keluarkan papan didapati kereta DP 9998 bergerak laju dan dapati kereta tersebut pusing balik ke buat "U turn" ke hala jalan ke Kota Bharu di hadapan kami dan saya dengar bunyi perlanggaran, bunyi kereta tersebut melanggar sesuatu benda.

Kereta kami berhenti dan saya keluar dari kereta saya dapati kereta tersebut di dalam parit dan seorang telah lari dan pegawai saya Wan Mohamad b. Wan Ismail telah mengejar lelaki tersebut dan saya mengejar sama di belakang.

Semasa sampai ke kereta tersebut, kereta yang jatuh tadi saya lihat ada seorang lelaki lagi dalam kereta tersebut masih di tempat kerusi penumpang yang sebelah pemandu dengan berkeadaan bongkok dan tidak bergerak dan saya terus mengejar lelaki yang lari tadi apabila sampai di belakang rumah saya dapati Wan Mohamad b. Wan Ismail telah menahan lelaki yang lari tadi dan saya sampai di situ menangkap dan menggari lelaki teresbut iaitu YKT satu.

Kemudian YKT satu telah dibawa ke kereta WBK 2473 yang telah berada di dalam kawasan kejadian, bukan atas jalan raya maksud saya di hadapan kawasan rumah.

Dan YKT satu dimasukkan ke dalam kereta WBK 2473 dikawal oleh Wan Mohamad b. Wan Ismail.

Semasa balik ke kereta tadi, dari belakang rumah ke kereta saya dapati pegawai saya Ghazali b. Majid mengawal kereta yang jatuh tadi dan saya dapati juga orang yang berada dalam kereta iaitu YKT dua masih tidak bergerak.

Kemudian saya telah meminta kerjasama, tuan rumah yang berhampiran untuk meminjam telefon di rumahnya dan saya telah menghubungi pejabat Kastam Kota Bharu bercakap dengan PK Suhaimi b. Haji Mohamad supaya memberitahu ketua saya kerana masa itu ketua saya tak ada di dalam biliknya, nama ketua saya Encik Jaafar Siddik b. Abd. Rahman memaklumkan memberitahu kepada ketua saya perkara yang berlaku dan meminta beliau memanggil ambulan dan crane untuk menarik kereta yang jatuh.

Kemudian saya telah keluar daripada rumah tersebut dan telah diberitahu oleh Ghazali b. Majid bahawa orang dalam kereta tadi iaitu YKT dua berjalan bersendirian dan saya terus mengejarnya dan menahan dan menangkap beliau dan digari oleh Ghazali b. Majid tadi.

Kemudian YKT dua dibawa ke kereta WBK 2473.

Selepas itu maknanya lebih kurang 5 minit daripada kejadian baru kereta WBK 2279 sampai.

Saya terus mengarah Razali b. Lebai Salleh bersama pemandu Mohd Zain b. Muhamad menghantar YKT dua ke hospital.

Pemandu kereta DP 9998 ialah Shukri (T1) sebelahnya Fauzi (T2). Oleh kerana keadaan kereta di dalam parit SP5 tidak dapat buka boot kereta sepenuhnya, tetapi SP5 dapat lihat dua guni jalur yang biasanya isi beras, SP5 dapat cuma menarik bucu guni-guni tersebut, selepas itu SP5 memberi amaran kepad Shukri (T1) "Kamu tidak dipaksa berkata apa-apa tetapi apa yang kamu katakan boleh dijadikan keterangan" dan SP5 tanya Shukri (T1) apa di dalam guni-guni itu. Oleh kerana amaran itu tidak lengkap, tidak sepenuhnya, tidak pun "words to the like effect" seperti diperuntukan, seperti dikehendaki saya tidak dapat terima jawapan Shukri (T1), *Poon Heong lwn. PP* [1949] 15 MLJ 114.

Keterangan SP5 disokong oleh Wan Mohd b. Wan Ismail (SP6) Pegawai Kastam dan oleh Ghazali b. Majid (SP7) Pegawai Kastam, cuma SP6 sedikit terkeliruan dan saya terima beliau tersilap, pada hari beliau memberi keterangan beliau sedikit kurang sihat selsema sedikit kata

beliau, apabila beliau kata SP5 ada memotong satu guni untuk mengetahui isi kandungnya, sebenar SP7 yang memotong satu guni kemudian selepas ketibaan Jaffar Siddik b. Abd. Rahman (SP10) Penolong Pengarah Kastam, Ketua SP5, di tempat kejadian.

Juga keterangan SP5 ialah beliau kenal Shukri (T1) sebelum hari kejadian kes ini, kata SP5:

> Kerana saya pernah bertemu dengan YKT satu di pejabat Kastam Kota Bharu, pertemuan lebih daripada sekali, jawapan tepat saya tidak dapat beri, tak ingat tahun berapa bulan berapa, kali pertama saya jumpa YKT satu Shukri selama lebih kurang lima (5) jam, kemudian jumpa sekejap dalam lebih kurang satu jam di Mahkamah Pasir Puteh, tarikh pun saya tidak ingat.

SP5 disoal-balas oleh YA. Peguambela bagi pihak Shukri (T1):

S. Pada masa En. Amran menunjukkan papan tanda Berhenti kepada pemandu DP 9998 adakah En. Amran pasti pemandu tersebut ada lihat papan berhenti itu.

J. Ya, saya pasti.

S. Jadi kereta DP 9998 ini tidak langsung terlibat kereta En. Amran menaiki kemalangan maksud saya perlanggaran.

J. Sebelum papan tanda dikeluarkan ada bergesel sedikit tetapi selepas papan dikeluarkan kereta DP 9998 pecut lagi laju dan tidak ada terlibat dengan kereta WBK 2473.

S. Kereta DP 9998 terpusing bukan sengaja dipusing oleh pemandu, terpusing sehingga "U turn", oleh kerana dilanggar oleh kereta yang dinaiki oleh En. Amran.

J. Tidak setuju.

S. Pada masa kereta itu memecut di hadapan En. Amran kereta itu telah berpusing ke arah Kota Bharu.

J. Ya.

S. Berapa kelajuan kereta En. Amran pada masa DP 9998 memecut.

J. Lebih kurang 60, 70 kmj.

S. Kelajuan DP 9998 sebenarnya melebihi kelajuan kereta En. Amran pada masa beliau memecut.

J. Ya

S. Pada kelajuan melebihi 70 kmj pemandu DP 9998 membuat "U turn".

J. Setuju pada pandangan saya.

Saya ada minta penjelasan (clarification) daripada SP5:

Mahkamah

S. Apabila En. Amran nampak kereta DP 9998 terpusing atau berpusing "U turn" semasa itu kereta DP 9998 itu berapa jarak jauh atau jarak dekat di hadapan kereta En. Amran.

J. Dari sini (tempat saksi duduk di witness box) ke dinding belakang jury box, lebih kurang 20 kaki.

SP5 disoal-balas oleh YA. peguambela bagi pihak Fauzi (T2):

S. Bagaimana keadaan YKT kedua semasa En. Amran tangkap beliau, berdarah.

J. Saya dapati dia macam keadaan hayal, telinga keluar darah, pasti telinga sebelah kanan keluar darah, sebelah kiri tidak pasti.

S. Beliau tidak berlari.

J. Tidak.

Pada 30 Disember 1987 (hari yang sama itu) jam lebih kurang 10.15 pagi Jaffar Siddik b. Abd. Rahman (SP10) Penolong Pengarah Kastam dan ketua kepada SP5 sampai di tempat kejadian dan meneruskan siasatan sebagai Pegawai Penyiasat. Pada ketika itu juga crane sampai dan tarik keluar kereta DP 9998 daripada parit ke bahu jalan, gambar-gambar P7A, P7B. Dua guni jalur di dalam boot kereta DP 9998 ialah P17 dan P21 di dalam guni-guni itu ganja seperti dinyata di tuduhan.

Saya telah mengadakan perbicaraan dalam perbicaraan (trial within a trial), permohonan YA. Timbalan Pendakwa Raya Mahkamah terima jawapan (Shukri T1) kepada soalan SP10 kepada Shukri (T1) "apakah yang berada di dalam guni-guni tersebut". Dengan hormatnya oleh kerana amaran SP10 memberi kepada Shukri (T1) tidak lengkap, tidak sepenuhnya tidak pun "words to the like effect", seperti diperuntukkan, seperti dikehendaki saya tidak dapat terima jawapan Shukri (T1), *Poon Heong lwn.. PP* [1949] 15 MLJ 114.

Mengenai kereta DP 9998 nyatalah bahawa asalnya pada 20 April 1986 didaftarkan atas nama Mat b. Yaacob (SP1) tetapi tuntutan halmilik masih dibuat oleh Arab Malaysian Finance Bhd., keterangan Kamaluddin b. Ramli (SP4) Ketua Bahagian Pelesenan dan Pendaftaran Kereta Motor Kelantan, Kota Bharu dan kes pihak pendakwa ialah pada 30 Jun 1987 SP1 telah "jual" kereta itu kepada Ghazali b. Mohd (SP2), "Surat perjanjian jual beli" (P4), kemudian pada 1987 Yusoff b. Mohd (SP3) adik kepada SP2 telah menguruskan dan telah "menjual" kereta itu, tarikhnya SP2 dan SP3 tidak pasti, kepada siapa kata SP2 beliau tidak tahu, kepada "Yi" atau "Yee" kata SP3, tambah kata SP3 "Yi" atau "Yee" beliau tidak kenal, tidak dapat cam sekarang, kata SP3 "kalau orang tunjuk itu ("Yi" atau "Yee") saya cam.

Kata SP2 kereta itu "dijual" dengan harga lebih kurang RM3,500 beliau ada terima pembayaran lebih kurang RM3,500 itu daripada SP3. Kata SP3 beliau ada terima pembayaran daripada "Yi" atau "Yee", beliau ada serah pembayaran itu kepada SP2, tetapi SP3 tidak sebut berapa beliau telah terima daripada "Yi" atau "Yee" atau berapa beliau telah serah kepada SP2.

SP2 disoal-balas oleh YA. peguambela bagi pihak Fauzi (T2):

S. Masa kita serah kereta kepada Yusoff petang hari itu untuk hendak dijual kepada kata Yusoff Mat Yee, kita ada cek tidak kereta itu apa isi kandungannya.

J. Saya basuh kereta, saya cek tengok belakang, depan kereta kosong.

Juga kes pihak pendakwa, SP3 disoal oleh YA. Timbalan Pendakwa Raya:

Masa saya hantar kereta kepada Yi masa itu malam. Kereta itu ada di rumah. Saya pun bawa kereta itu serah kepada Yi.

S. Bila awak ambil kereta itu untuk bawa ke Yi ada awak cek kereta itu.

J. Cuma bila saya serah kereta itu kepada Yi saya beritahu tengok cuma tayar spare tidak ada, besok mu hendak buat surat datang ke rumah aku ambil tayar spare.

S. Jadi awak tengok ada benda-benda lain dalam boot kereta.

J. Tak ada. Jacknya pun rasa tak ada, tak ingat.

Dengan hormatnya keterangan Encik Mohan a/l Gangadharan (SP9) ahli kimia jelas, juga tiada apa-apa terputus, tiada apa-apa jurang di dalam rangkaian keterangan mengenai ganja yang diperolehi oleh SP5 dan SP10 di tempat kejadian dan ganja yang dibawa ke Mahkamah, seperti dinyata di tuduhan, kes *Su Ah Ping lwn.. PP* [1980] 1 MLJ 75 MP dibaca bersama dengan kes *Abdullah b. Yaacob lwn. PP* [1991] 1 CLJ (Rep) 5 MA juga dengan hormatnya saya ada ambil perhatian kes *Shamsuddin b. Hassan & Yg. Ln. lwn. PP* [1991] 1 CLJ (Rep) 428 MA mengenai jurang selama lebih sedikit lima jam di kes itu.

Dengan hormatnya pada peringkat pihak pendakwa menutup kes pihak pendakwa ada kes *prima facie* "not inherently incredible" terhadap Shukri (T1) seperti dinyata di tuduhan, kes *Haw Tua Tau lwn. PP* [1981] CLJ (Rep) 11 PC dan kes-kes berikutan dan saya memanggil Shukri (T1) membela diri.

Dengan hormatnya pada peringkat pihak pendakwa menutup kes pihak pendakwa tidak ada kes *prima facie* "not inherently incredible" terhadap Fauzi (T2) seperti dinyata di tuduhan, kes *Haw Tua Tau* [1981] CLJ (Rep) 11 PC dan kes-kes berikutan lebih-lebihnya dengan SP10 disoal-balas oleh peguambela bagi pihak Fauzi (T2), kata:

> Setakat mana saya tahu tertuduh kedua tinggal di bandar Kota Bharu, Kelantan kampong saya tidak tahu.
>
> S. Di Kampong Tawang Bachok.
>
> J. Saya tak ingat. Pada ketika itu tertuduh kedua bertugas di Singapura sebagai buruh kasar.
>
> S. Ada En. Jaffar tahu kenapa tertuduh kedua berada di dalam kereta DP 9998.
>
> J. Tertuduh kedua berada di dalam kenderaan terlibat kerana kenderaan itu hendak pergi ke Johor Bharu dan tertuduh kedua menumpang untuk pulang semula ke Singapura.
>
> Di kereta DP 9998 tidak ada apa-apa tempat khas (special compartment) untuk menyeludup apa-apa. Boot kereta keadaan biasa tidak ada apa-apa tempat khas. Kalau saya menaiki kereta itu saya tidak akan tahu apa di dalam boot kereta itu. Juga jika saya menduduki di tempat penumpang saya tidak tahu apa dalam boot. Pemandu kereta itu ialah tertuduh pertama, tertuduh kedua duduk di sebelah tertuduh pertama di depan, hasil siasatan saya.

Dengan hormatnya saya bebaskan dan lepaskan Fauzi (T2) tanpa memanggil beliau membela diri.

Shukri (T1) memberi keterangan secara bersumpah. Kata T1:

> Lebih kurang seminggu sebelum saya ditahan dalam kes ini ada seorang kawan saya nama Yusuff datang ke rumah saya ialah kerana hendak menyuruh saya hantarkan pakaian-pakaian seludup beliau ke Johor Bharu. Saya bersetuju dengan cadangan beliau tetapi dengan syarat saya akan diberikan sebuah kereta. Yusuff pun bersetuju dengan pendapat saya dan beliau berjanji akan mencari sebuah kereta, tetapi dengan syarat saya mahu melihat dahulu pakaian-pakaian tersebut serta hendak menilaikan tentang upahan saya. Yusuff juga berjanji dengan saya akan datang ke rumah saya pada malam 29 Disember 1987. Beliau juga menyuruh saya berada di rumah pada hari berkenaan.
>
> Pada 29 Disember 1987 Yusuff datang semula di rumah saya bersama-sama dengan dua orang kawannya yang saya tidak kenali.
>
> Mereka bersetuju datang ke rumah saya dengan menggunakan sebuah kereta jenis Proton Saga berwarna merah No. DP9998.
>
> Selepas itu Yusuff mengajak saya ke kereta untuk melihat barang yang terdapat dalam boot kereta itu.
>
> Apabila Yusuff membuka boot kereta tersebut saya nampak ada dua guni jalur.
>
> Di dalam tiap-tiap guni jalur itu ada mengandungi satu bungkusan plastik. Di dalam tiap-tiap bungkusan plastik tadi ada mengandungi pakaian-pakaian seludup yang terdiri daripada seluar dan baju.
>
> Saya memeriksa dan menilaikan secara kasar sahaja pakaian-pakaian tersebut dengan disaksikan oleh dua kawan Yusuff dan adik saya Razak.

Selepas itu saya pun bersetujulah dengan cadangan Yusuff serta membincangkan tentang upahan yang saya kehendaki.

Lepas itu Yusuff pun bersetujulah dengan kadar upahan yang saya kehendaki itu.

Semasa saya memeriksa dan memasukkan semula pakaian-pakaian tadi Yusuff juga turut membantu saya.

Selepas itu saya yang mengikat sendiri bungkusan-bungkusan plastik tadi dan guni-guni jalur tadi dengan menggunakan dawai halus.

Sebelum diikat saya letakkan permukaan-permukaan guni tadi menghala ke arah dalam boot kereta.

Semasa itu juga Yusuff ada memberitahu saya bahawa barang-barang ini kepunyaan mereka bertiga. Selepas itu pula Yusuff memberitahu kepada saya bahawa beliau dan dua orang kawannya terpaksa balik dahulu pada malam ini kerana beliau belum pasti samada kereta DP ini boleh dipakai atau pun tidak dan jika sekiranya kereta DP ini tidak boleh dipakai Yusuff berjanji dengan saya akan memberikan sebuah kereta lain untuk tugas ini serta Yusuff berjanji dengan saya beliau akan datang semula ke rumah saya pada pagi esok.

Selepas itu Yusuff bersama dua orang kawannya beredar dari rumah saya bersama dengan kereta Yusuff dan dua orang kawannya beredar dari rumah saya dengan menggunakan kereta DP serta barang-barang sekali.

Pada keesokan harinya jam lebih kurang 7.20 pagi Yusuff datang semula ke rumah saya dengan menggunakan dua buah kereta, kereta DP Yusuff memandu dan kereta sebuah lagi kawannya memandu.

Semasa itu Yusuff menyerahkan anak kunci kereta DP kepada saya serta mengajak saya ke kereta semula untuk melihat barang-barang semalam.

Setelah saya membuka kereta DP, bonet kereta DP saya nampak ada dua guni jalur yang kedudukannya sama yang seperti saya susun semalam.

Saya tidak nampak sebarang perubahan dari segi keadaan guni-guni jalur tersebut. Di masa itu juga saya ada menepok beberapa kali guni jalur dan saya dengar bunyi plastik lalu saya berpuas hati kerana semalam pakaian-pakaian tadi diisikan ke dalam bungkusan plastik terlebih dahulu sebelum dimasukkan ke dalam guni jalur.

Oleh kerana saya belum mandi dan bersarapan lagi Yusuff dan seorang kawannya minta diri dulu untuk beredar dari rumah saya.

Yusuff bersama kawannya beredar dari rumah saya dengan menggunakan kereta yang sebuah lagi.

Selepas itu jam lebih kurang 8.00 pagi saya bermulakan perjalanan untuk ke Johor Bharu dan singgah sebentar di rumah Fauzi untuk mengambil beliau.

Bila tiba di kawasan Kampong Bukit Tanah saya nampak ada sebuah kereta mengekori dengan rapat kereta yang saya pandu itu.

Semasa saya masuki Kg. Bukit Jawa tiba-tiba kereta tadi bersaing dengan kereta yang saya pandu.

Semasa itu juga saya nampak seorang lelaki yang duduk di bahagian hadapan sebelah pemandu mengarah saya berhenti dan mengacukan pistol ke arah saya.

Saya tidak dapat memberhentikan kereta dengan secara tiba-tiba pada masa itu kerana kereta yang saya pandu itu sedang mendaki Bukit Jawa.

Lagipun saya berasa panik telah nampak pistol itu diacukan ke arah saya.

Apabila kereta yang saya pandu itu menuruni Bukit Jawa saya ada dengar tembakan dilepaskan dan di saat itu juga kereta tadi melanggar bahagian belakang di sebelah kanan kereta yang saya pandu itu.

Selepas itu kereta yang saya pandu terus terbabas dan terbalik jatuh ke dalam parit.

Setelah kereta saya terbabas ke dalam parit saya dapati Fauzi kawan saya tadi cedera parah dan tidak bergerak.

Lalu saya terus keluar daripada kereta DP ini untuk meminta sebarang pertolongan.

Apabila saya berada di luar kereta saya dengar beberapa das tembakan lagi dilepaskan oleh seorang lelaki yang keluar dari kereta tadi sambil menuju ke arah saya. Oleh kerana saya rasa begitu takut saya terus lari menuju ke arah sebuah rumah untuk meminta pertolongan.

Oleh kerana di masa itu saya luka dan cedera saya tak dapat melarikan diri begitu jauh.

Semasa itu juga datang seorang lelaki lalu menahan saya.

Beberapa saat kemudian saya nampak lelaki yang melepaskan tembakan tadi datang ke arah saya dan terus mengari saya.

Dengan hormatnya jelas mengikut keterangan T1 Yusuff ialah SP3. SP3 ada kata beliau tidak kenal T1 tetapi SP3 langsung tidak disoal-balas dan SP3 langsung tidak disoal-balas mengenai perkara-perkara yang sekarang ini dikata oleh T1, berkenalan dengan SP3, T1 ada juga kata beliau kenal T1 "kawan baik saya", berkenalan tidak kurang lima tahun , T1 ada juga kata sebelum ini ada T1 ada pernah menyeludup kain-kain untuk SP3, T1 ada juga kata sebelum ini ada T1 ada pernah "menyeludup pakaian-pakaian bersama Yusuff", mengenai perjumpaan, persetujuan, perancangan beliau dan SP3 seminggu sebelum beliau ditangkap dan mengenai beberapa perkara lain termasuk kata T1 kehadiran Razak, adiknya semasa beliau "memeriksa dan menilaikan" pakaian-pakaian di dalam P17 dan P21, yang SP3 ambil balik kereta DP 9998 pada malam itu, yang esoknya SP3 bawa balik kereta DP 9998, yang T1 ada menepok beberapa kali P17 dan P21, yang SP5 ada mengacukan pistol ke arahnya semasa kedua-dua kereta itu bersaing, T1 menafi beliau kenal atau cam SP5 semasa itu, katanya dahulu SP5 bermisai, berjanggut. Dengan hormatnya SP3 tidak disoal-balas perkara-perkara "crucial", juga SP5 tidak disoal-balas perkara-perkara "crucial".

Di kes *Wong Swee Chin lwn. PP* [1981] 1 MLJ 212 MA Raja Azlan Shah, CJ Malaya (pada ketika itu) titah:

> On this point we need only say there is a general rule that failure to cross-examine a witness on a crucial part of the case will amount to an acceptance of the witness's testimony. But as is common with all general rules there are also exceptions as pointed out in the judgment of the Supreme Court of New Zealand in *Transport Ministry v. Gary* ...

Juga di kes *PP lwn. Salleh* [1983] 2 MLJ 164 kegagalan menyoal balas dan menimbulkan perkara itu kemudian ialah satu "after thought", di kes *Pie b. Chin* [1985] 1 MLJ 234 kegagalan menyoal balas menghalangkan menimbulkan perkara itu kemudian semasa penghujahan untuk menjadikan perkara itu satu bahan penghujahan untuk mencabar keterangan saksi pihak pendakwa.

T1 seterusnya memberi keterangan seterusnya disoal-balas oleh YA. Timbalan Pendakwa Raya, di antara lainnya T1 menafi kereta DP 9998 terbalik akibat T1 memecut dan kerana terlalu laju, T1 menafi beliau membuat "U turn" memusing untuk mematah balik ke Kota Bharu untuk melarikan diri dan T1 seterusnya menafi apa yang dikatakan kepada beliau oleh YA. Timbalan Pendakwa Raya.

Soal-balas YA. Timbalan Pendakwa Raya berterusan secara detail, mengenai di antara lainnya "Wak", "Mat", "Dollah", YA. Timbalan Pendakwa Raya bertujuan mencabar kebolehpercayaan T1 dengan menggunakan percakapan beramaran T1. Memang boleh tetapi tidak saya dapat membenarkan permohonan YA. Timbalan Pendakwa Raya itu oleh kerana keadaan serupa dengan satu keadaan di mana saya telah memutuskan:

> May I first refer to the application by the learned Deputy Public Prosecutor to impeach the credit of the accused by using the accused's statement recorded under s. 112 CPC. Here I would like to refer to *PP v. Wong Yee Sen & Ors.* [1990] 2 CLJ (Rep) 902 where Faiza Tamby Chik JC (as he then was) in considering whether there could be such impeachment by using the accused's cautioned statement reviewed in full and in detail earlier leading cases and held that there could be such impeachment provided, in short, first there must have been the compliance with the pre-requisites as would tender the cautioned statement admissible. In the present case I think a *fortiori* the same principle is applicable, in the present case the pre-requisite being there must have been the compliance with s. 112(iv) CPC. In the present case the rubber stamp certification on the statement (ID (P) 20) for such compliance is blank without the signature of the recording officer, without any signature at all. I did not think this was a proper case for me to exercise my discretion under s. 425 CPC to recall the recording officer, which would be "emergency repairs" referred to earlier. There having been no compliance with the pre-requisite I therefore disallowed the application for the impeachment. Even if SP5 the recording officer was recalled it may well be an exercise in futility because in the light of the glaring omission on the record it may well be difficult not to give the benefit of the doubt to the accused.

Di kes di hadapan saya sekarang ini "pre-requisite" yang tidak dipatuhi ialah amaran yang telah diberi kepada T1 hanya "Kamu tidak dipaksa berkata apa-apa tetapi perkataan kamu akan ditulis dan boleh dijadikan keterangan di Mahkamah", dengan hormatnya tidak lengkap, tidak sepenuhnya, tidak pun "words to the like effect" seperti diperuntukkan, seperti dikehendaki, *Poon Heong lwn. PP* [1949] 15 MLJ 114.

Abdul Razak bin Mohamad (T2) adik kepada T1 ada memberi keterangan menyokong kehadirannya semasa T1 "memeriksa dan menilaikan" pakaian-pakaian di dalam P17 dan P21 di dalam boot kereta DP 9998, tambah kata T2:

> Pada masa yang sama Yusuff mengambil dari seluar tersebut dan menghadiahkan kepada saya. Hadiah pemberian Yusuff berupa seluar jeans berwarna biru nama *Levis*. Selepasnya saya terdengar abang saya bercakap-cakap semula dengan Yusuff. Pada anggapan saya beliau bercakap pasal upah kemudian saya melihat abang naik ke atas rumah. Apabila turun ia membawa dawai. Ia terus menuju ke kereta dan mengikat guni-guni tersebut.

T2 disoal-balas oleh YA. Timbalan Pendakwa Raya:

> S. Sebenarnya pada malam itu awak tidak turun daripada rumah melihat kereta DP.
>
> J. Saya tidak bersetuju. Saya memang turun dan saya pasti kerana saya juga mendapat sehelai seluar daripada bungkusan dalam boot itu, seluar tersebut saya masih simpan sebagai kenangan.

Saya ada tanya T2:

> S. Semasa Yusuff memberi seluar jeans kepada Razak abang Razak iaitu tertuduh sekarang ini berapa dekat atau berapa jauh, jarak dekatnya atau jarak jauhnya daripada Razak.
>
> J. Saya hampir dengan kereta tersebut. Abang saya juga agak dekat kerana beliau sedang membilang kain-kain tersebut.
>
> S. Jarak jauh atau jarak dekat abang, iaitu tertuduh dengan Razak.

J. Dekat sangat. Abang bersama-sama Yusuff melihat sambil membilang barang-barang tersebut, kemudian saya menghampiri kereta, rapatkan dari kereta, bahagian belakang maksud saya Yusuff ambil dan bagi kepada saya, dia cakap loghat Kelantan, "Jak ambil untuk awak satu saya beri hadiah" (Jak ialah Razak, saksi).

S. Semasa Yusuff kata demikian abang iaitu tertuduh berada di mana.

J. Abang ada sama dengan Yusuff di kereta. Beliau tidak ambil kesah beliau membelek-belek macam membilang kain-kain.

S. Abang ada sama dengan Yusuff adakah ini bermakna abang dan Yusuff sebelah menyebelah.

J. Sebelah menyebelah.

T1 ada kata kehadiran Razak, adiknya semasa beliau "memeriksa dan menilaikan" pakaian-pakaian di dalam P17 dan P21 tetapi T1 tidak kata mengenai "hadiah" seluar jeans Levis ini. SP3 langsung tidak disoal-balas mengenai "hadiah" seluar jeans Levis ini.

Seluar jeans Levis ini tidak dikemukakan kepada Mahkamah sebagai barang kes bagi pihak pembelaan. Kegagalan demikian oleh pihak pendakwa barangkali (probably) "fatal" bagi pihak kes pihak pendakwa, kes *M.W. Barret lwn. PP* [1982] 2 MLJ 284 tetapi bagi pihak kes pihak pembelaan saya percaya saya tidak boleh "draw any unfavourable inference" dan "no adverse inference against an accused person may be drawn ... " oleh kerana kegagalan seluar jeans Levis ini tidak dikemukakan kepada Mahkamah sebagai barang kes bagi pihak kes pihak pembelaan, kalau pun secara analogi, kes-kes *Regina lwn. Gallagher*, *PP lwn. Lim Kuan Hock, Tay Choo Wah lwn. PP*, seperti telah menyebut di kes *PP lwn. Datuk Haji Harun Idris* [1977] 1 MLJ 355 dan di kes *PP lwn. Tan Gong Wai* [1985] 1 MLJ 355 tetapi saya boleh "take into consideration the failure ..." "however the failure ... is a matter the court may take into consideration ... " sungguhpun kes *Tan Gong Wai* telah dimengakaskan (reversed) oleh Mahkamah Agung, kedua-dua tertuduh dibebaskan dan dilepaskan oleh Mahkamah Agung, sebab-sebab lain, sebab-sebab "hearsay", rujukan Mahkamah Agung [1986] 2 MLJ 206 MA.

Juga Shukri (T1) ada mengemukakan kepada Mahkamah untuk pertimbangan Mahkamah beliau telah menggunakan jalan-jalan raya besar tidak jalan-jalan kecil, tidak beliau akan menggunakan jalan-jalan raya besar sebaliknya beliau akan menggunakan jalan-jalan kecil sekiranya beliau benar tahu ada dadah di dalam boot kereta, juga beliau memang diketahui, memang dikenali oleh pihak Kastam, rekod beliau ada dengan pihak Kastam, jadi tidak mungkin beliau berani membawa dadah di dalam boot kereta. Dengan hormatnya pada pendapat saya apa cara pun memang ada risk element dan seorang penyeludup tahu apa cara pun ada risk element itu, seorang penyeludup tidak naive tidak tahu pihak berkuasa berkenaan, pihak penguatkuasaan berkenaan, termasuk Kastam, ada sumber-sumbernya dan apa cara pun penyeludupan ada risk element.

Dengan hormatnya juga untuk panduan saya:

(1) Kes *Mohd Yusof b. Haji Ahmad*, kata Tan Sri Dato' Syed Agil Barakbah J (pada ketika itu)

> the element of truth is required but the element of probability is the main factor so that if the court accepts the defence story as probable even though it is not convinced of the truth, then the defence has succeded in proving to the contrary the presumption that has arisen. In this case the learned President applied the correct test and concluded the alleged threat was improbable.

(2) Kes *Abdullah b. Yaacob*, Tan Sri Dato' Hashim Yeop A. Sani CJ (Malaya) mengingatkan Mahkamah jangan ketinggalan ambil kira keterangan-keterangan saksi-saksi kes pembelaan.

(3) Kes *Mohd Radhi b. Yaakob*, kata Tan Sri Dato' Mohamed Azmi SCJ:

> even though a judge does not accept or believe the accused's explanation, the accused must not be convicted until the court is satisfied for sufficient reason that such explanation does not cast a reasonable doubt on the prosecution case, juga kata YAA Dato' Azmi Hakim Mahkamah Agung, the learned judge had failed to sufficiently consider the evidence of the defence witnesses.

Dengan hormatnya pembelaan T1 pada keseluruhannya kurang munasabah, tidak munasabah berasas kepada penelitian keterangan-keterangan pihak pendakwa dan keterangan-keterangan pihak pembelaan pada keseluruhannya dan tidak keraguan yang munasabah yang telah dibangkitkan atau ditimbulkan ke atas kes pendakwa dan juga dengan menggunakan ukuran imbangan kebarangkalian dengan hormatnya saya berpendapat P17 dan P21 ada di dalam dan di bawah jagaan (custody) atau kawalan (control) tertuduh, juga dengan menggunakan ukuran imbangan kebarangkalian tertuduh tidak mematahkan anggapan memiliki (possession) dan anggapan mengetahui di dalam P17 dan P21 itu ada dadah kanabis seperti dinyata di tuduhan, di bawah s. 37(d) dan juga dengan menggunakan ukuran imbangan kebarangkalian, dengan berat kanabis itu melebihi 199 grammes, tertuduh tidak mematahkan anggapan di bawah s. 37(da)(vi) Akta berkenaan.

Saya dapati T1 bersalah seperti dinyata di tuduhan dan tertuduh adalah disabitkan seperti dinyata di tuduhan.

Also found at [1992] 2 CLJ 798